

PEMBANGUNAN INDIVIDU MENURUT IBNU SINA: ANALISIS TERHADAP KARYA-KARYA TERPILIH

Individual Development According To Ibnu Sina: An Analysis of Selected Works

ⁱMohd Roslan Mohd Nor & ⁱⁱ Zaiton Mustafa

ⁱ (Corresponding author) Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: m_roslan@um.edu.my

ⁱⁱ Calon PhD, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

E-mail: zaiton@unisza.edu.my

Article Progress

Received: 25 Oktober 2018

Revised: 2 December 2018

Accepted: 26 December 2018

Abstrak	Abstract
<p>Pembangunan individu secara holistik dapat menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat. Ibnu Sina, tokoh ilmuwan Islam yang tersohor sangat memberi perhatian terhadap perkara tersebut dan membincangkannya secara mendalam dalam karya-karya beliau. Sehubungan dengan itu, artikel ini menganalisa pemikiran Ibnu Sina berkaitan dengan pembangunan individu dan kajian hanya ditumpukan terhadap dua karya beliau iaitu <i>al-Syifa'</i> dan <i>al-Siyasah</i>. Analisis terhadap kandungan kedua-dua karya tersebut mendapati bahawa Ibnu Sina menyarankan pembangunan individu secara bersepadu yang merangkumi tiga elemen utama iaitu <i>al-Jism</i>, <i>al-Nafs</i> dan <i>al-'Aql</i>. Berdasarkan pemikiran Ibnu Sina, setiap individu perlu dibangunkan sesuai dengan hakikat kejadian dan keperluan hidup mereka sebagai manusia untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.</p> <p>Kata kunci: Ibnu Sina, pembangunan individu, <i>al-Syifa'</i>, <i>al-Siyasah</i>.</p>	<p>The holistic development of an individual would contribute to the wellbeing of society. Ibn Sina, a well-known Islamic scholar, paid great attention to this matter and discussed it in depth in his works. This article analyzes Ibn Sina's thoughts on the development of individuals and will focus only on his two works namely <i>al-Syifa'</i> and <i>al-Siyasah</i>. The content analysis of the two works finds that Ibn Sina suggests an integrated individual development that includes the three main elements ie <i>al-Jism</i>, <i>al-Nafs</i> and <i>al-'Aql</i>. Based on Ibn Sina's thoughts, every individual needs to be developed in accordance with the nature of their occurrence and necessity as a human being to achieve the happiness of life in the world and the hereafter.</p> <p>Keyword(s): Ibn Sina, individual development, <i>al-Syifa'</i>, <i>al-Siyasah</i>.</p>

PENDAHULUAN

Manusia mempunyai peranan dan pengaruh yang besar sebagai *khalifah* di muka bumi. Segala tingkah laku dan perbuatan manusia samada membawa kesejahteraan ataupun mengundang bencana dalam kehidupan dan persekitaran mereka. Lantaran itu, manusia digesa untuk menjalani kehidupan dengan penuh ketaatan dan kebaikan seiring dengan tanggungjawab mereka untuk memakmurkan alam. Perkara ini dapat difahami dari firman Allah SWT seperti berikut:

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴿٦١﴾

Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya. (Surah Hud 11: ayat 61)

Peranan serta potensi yang dimiliki oleh manusia telah menarik perhatian tokoh-tokoh ilmuan Islam untuk membahaskan mengenai aspek-aspek pembentukan manusia berkualiti dalam karya-karya mereka. Ibnu Sina, seorang ahli falsafah dan ilmuan tersohor turut membincangkan mengenai perkara tersebut dalam beberapa karya beliau. Sehubungan dengan itu, artikel ini ingin mengemukakan pandangan dan pendekatan yang disarankan oleh Ibnu Sina untuk membangun potensi dan kualiti setiap individu supaya mampu berfungsi di dalam masyarakat dan seterusnya dapat mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Pengkaji berpendapat isu pembangunan individu sentiasa relevan untuk dibincangkan kerana mempunyai pengaruh langsung terhadap kesejahteraan masyarakat dan negara. Perkara ini turut dinyatakan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud (2001) yang menegaskan bahawa “mutu sebenar pembangunan sesuatu bangsa bergantung pada mutu pembangunan diri perseorangan dan masyarakat bangsa tersebut”.

Kajian ini juga ingin menonjolkan pemikiran kemasyarakatan Ibnu Sina kerana berdasarkan tinjauan penulis, aspek tersebut masih belum dikaji secara meluas walaupun beliau adalah ahli politik yang berpengalaman dalam pentadbiran negara. Menurut Idris Zakaria (1991), Ibnu Sina adalah sebaris dengan ahli-ahli falsafah Islam lain seperti al-Farabi (870-951M), Ibnu Bijnah (1095-1139M) dan Ibnu Rusyd (1126-1198M) dari segi penghasilan karya-karya bermutu dalam bidang siasah. Walaupun demikian, sumbangan Ibnu Sina dalam politik

dan kenegaraan kurang mendapat perhatian daripada para pengkaji (Zainal Abidin, 1974). Pengabaian terhadap pemikiran kemasyarakatan dan kenegaraan Ibnu Sina turut ditegur oleh Muhammad Yusuf Musa (1952) yang menyatakan, "kebanyakan pengkaji telah mengabaikan pemikiran kemasyarakatan Ibnu Sina. Mereka seakan-akan lupa bahawa beliau ialah seorang ahli falsafah yang aktif bermasyarakat, sedangkan aspek inilah yang menunjukkan keunggulan dan keistimewaan beliau".

Perbincangan Ibnu Sina mengenai peranan individu dalam keluarga dan masyarakat tidak terkandung dalam satu kitab yang khusus tetapi dapat ditemui dalam beberapa karya yang telah beliau hasilkan. Pemikiran beliau mengenai aspek-aspek tersebut mencakupi *ilmu akhlak* (*'ilm al-Akhlaq*), ilmu pengurusan rumahtangga (*'ilm Tadbir al-Manzil*) dan *ilmu politik* (*'ilm al-Siyasah*) yang dikategorikan sebagai falsafah praktis (*practical sciences*) (Nurizal Ismail, 2016). Menurut Ibnu Sina (t.t), pendedahan kepada ilmu-ilmu dalam falsafah praktis bertujuan untuk mewujudkan pemikiran yang baik dalam diri setiap individu supaya dia terdorong untuk memperolehi kebaikan dalam setiap perkara yang dilakukan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif. Melalui penyelidikan kepustakaan, penulis memperolehi data dari sumber primer dan sekunder. Data sumber primer terdiri daripada dua buah karya Ibnu Sina yang telah dipilih bagi mencapai objektif kajian iaitu kitab *al-Syifa' (al-Ilahiyyat)* dan *al-Siyasah*, manakala data sekunder terdiri daripada artikel jurnal, buku dan karya-karya lain yang berkaitan. Penulis menggunakan metode analisis kandungan untuk meneliti pemikiran Ibnu Sina mengenai pembangunan individu di dalam dua buah karya tersebut. Metode deskriptif turut digunakan untuk menjelaskan pemikiran Ibnu Sina dalam perbincangan ini.

RINGKASAN BIOGRAFI IBNU SINA

Ibnu Sina bukan sahaja disanjung oleh dunia Islam tetapi turut diiktiraf oleh orang-orang Barat. Beliau digelar sebagai *al-Syaikh al-Ra'is* oleh orang-orang Arab. Dalam kalangan orang-orang Barat, Ibnu Sina dikenali sebagai *Avicenna* dan mereka menggelar beliau sebagai 'Aristotle Baru' (Hitti, 1974). Keilmuan Ibnu Sina sangat menonjol dalam agama, kedokteran, sains, matematik dan juga falsafah (Hasan Langgulung, 1981).

Nama sebenar beliau ialah Abu 'Ali al-Husain bin Abdullah bin Sina. Beliau telah dilahirkan di perkampungan Afshanah, berhampiran Bukhara pada tahun 980M. Bapa beliau merupakan gabenor di wilayah Khurmaithan dan berkhidmat kepada pemerintah dari Dinasti Samanid bernama Nuh bin Mansur. Kedua orang tua Ibnu Sina telah mendidik beliau untuk mencintai ilmu semenjak kecil lagi. Bapa Ibnu Sina telah mencarikan guru-guru yang terbaik untuk pendidikan anaknya. Pada usia 10 tahun, Ibnu Sina telah menghafal keseluruhan

al-Quran (Goodman, 2006). Ibnu Sina telah mempraktikkan ilmu kedokteran ketika berusia 17 tahun dan mampu merawat penyakit yang dihadapi oleh pemerintah pada masa itu, Nuh bin Mansur. Sebagai balasan, beliau dapat memasuki perpustakaan di istana dan membaca buku-buku yang tidak pernah dilihat oleh orang lain. Semasa berusia 18 tahun, beliau telah membaca keseluruhan buku-buku tersebut dan menguasai kandungannya (McGinnis, 2010).

Ibnu Sina mula mengarang kitab buat pertama kali ketika berusia 21 tahun (Afnan, 1958). Sepanjang kehidupannya, Ibnu Sina sangat mencintai ilmu dan sentiasa sibuk menulis. Kesibukan Ibnu Sina digambarkan oleh Asimov (1980) seperti berikut "...He worked at all times and in all conditions. He wrote or dictated his works day and night, in prison or on his travels, even on horseback". Ibnu Sina meninggal dunia ketika berumur 58 tahun dan dikebumikan di Hamadan, Iran (Goodman, 2006).

Walaupun usia beliau tidak panjang tetapi Ibnu Sina telah meninggalkan banyak khazanah ilmu pengetahuan yang berharga buat umat Islam. Georges C. Anawati (1950) telah merekodkan sebanyak 276 karya penulisan Ibnu Sina. Empat daripada karya-karya beliau yang dianggap paling penting ialah *al-Qanun fi al-Tibb*, *al-Syifa'*, *al-Najat* dan *al-Isyarat* (McGinnis, 2010). Kitab *al-Qanun fi al-Tibb* dan *al-Shifa'* telah tersohor di seluruh dunia, sehinggakan kedua-duanya telah menjadi bahan rujukan intelektual Barat sehingga sekarang.

Pengenalan Ringkas Terhadap Kitab *al-Syifa'* dan *al-Siyasah*

Kitab Al-Syifa' sangat terkenal dan menarik perhatian ramai pengkaji dari seluruh dunia. Kitab ini merupakan ensiklopedia yang besar dalam bidang falsafah. Kandungannya dibahagikan kepada empat bahagian iaitu mantiq, matematik, fizik dan metafizik (Mukhtar Gozali, 2017). Berhubung dengan penulisan *al-Syifa'*, Abu Ubayd al-Juzjani, murid Ibnu Sina menjelaskan bahawa gurunya mengarang kitab tersebut sebelum Shams al-Dawla, pemerintah dari Dinasti Buwayh meninggal dunia. Berdasarkan maklumat tersebut, Ibnu Sina diandaikan mengarang *al-Syifa'* sekitar 412H/1021-1022M. Manakala pengkaji lain, Gutas pula berpendapat *al-Syifa'* ditulis oleh Ibnu Sina di antara 406H/1061M dan 412H/1021M. Beliau percaya kitab tersebut siap ditulis sekitar 418H/1027H yang mengambil masa lebih kurang 8 tahun (Idris Zakaria, 2014).

Berlainan pula dengan *al-Siyasah*, kitab ini masih kurang dikenali kerana ramai pengkaji Ibnu Sina tidak menyebut tentangnya. Perbincangan Ibnu Sina dalam *al-Siyasah* memperkatakan tentang pengurusan manusia merangkumi pengurusan diri, keluarga, anak-anak dan para pekerja di bawah jagaan. *Al-Siyasah* telah disenaraikan sebagai karya Ibnu Sina oleh Carl Brockelmann, Georges C. Anawati dan Osman Ergin (Idris Zakaria, 2000). Maklumat tentang *Al-Siyasah* turut dicatatkan oleh Haji Khalifah dalam *Kashf al-Zunun* dan telah diterbitkan oleh Louis Malouf pada tahun 1911 berdasarkan manuskrip yang tersimpan di Perpustakaan Leiden, Netherlands (Wan Suhaimi Wan Abdullah, 2008).

PEMBANGUNAN INDIVIDU MENURUT ISLAM

Perkataan pembangunan dari segi bahasa berasal daripada perkataan 'bangun' yang bermaksud 'perihal membangun, proses membangun, proses pembangunan (mencapai kemajuan, perkembangan dan sebagainya), maksud lain yang turut diberikan ialah "usaha atau kegiatan membangunkan (memajukan dan mengembangkan)" (Kamus Dewan, 2005).

Dari sudut istilah, pembangunan boleh difahami sebagai suatu kebaikan atau *improvement* dan membawa kepada kualiti kehidupan yang lebih baik kepada individu dan masyarakatnya (Rohana Yusof, 2014). Manakala Wan Mohd Nor Wan Daud (2001) menyatakan, pembangunan boleh juga dimaksudkan dengan "kegiatan penting dan terancang yang menghasilkan kebaikan, atau satu gerak dari keadaan buruk kepada baik, dari keadaan baik kepada yang lebih baik dan yang mengekalkan keadaan baik tersebut".

Berdasarkan penjelasan di atas, apabila penulis menghubungkan perkataan 'pembangunan' dengan 'individu' dalam kajian ini, dapatlah difahami bahawa segala perihal, proses, usaha dan kegiatan yang dibincangkan adalah bertujuan untuk membangun potensi dan kualiti individu sesuai dengan peranan dan fitrah kejadian manusia. Pembangunan individu yang membawa kepada peningkatan diri dan kualiti kehidupan manusia sememangnya dianjurkan oleh Islam. Menurut Muhammad Qutb (1994), Islam menggalakkan pertumbuhan dari segala aspek hingga ke suatu tahap yang maksimum samada bagi individu atau masyarakat.

Pembangunan individu diperlukan untuk memupuk kesedaran manusia dalam menghayati makna *'ubudiyah* sebagai hamba Allah dan khalifahNya di muka bumi. Memandangkan kejadian manusia terdiri daripada unsur jasmani dan rohani, maka segala perancangan pembangunan perlu menangani keperluan kedua-dua unsur tersebut. Menurut Syed Naquib Al-Attas (1977), pembangunan yang mengabaikan kerohanian insan dan hanya memenuhi keperluan jasmani semata-mata adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Sehubungan dengan itu, pendekatan pembangunan yang seimbang sangat diperlukan untuk membangun semua potensi manusia agar sejajar dengan tuntutan Islam. Keseimbangan yang dicapai dalam pembangunan manusia pastinya dapat mendorong ke arah kewujudan persekitaran yang seimbang dan sejahtera dalam masyarakat dan negara.

PEMBANGUNAN INDIVIDU MENURUT IBNU SINA

Ibnu Sina menunjukkan perhatian yang besar terhadap kesejahteraan individu. Perbincangan beliau tentang kemakmuran negara telah menonjolkan peranan setiap individu dalam keluarga dan masyarakat sebagai faktor utama yang mempengaruhi kesejahteraan negara. Hanna al-Fakhuri dan Khalil al-Jurr (1958) menyatakan, pemikiran politik Ibnu Sina tidak banyak membincangkan mengenai pemimpin negara kerana beliau berpendapat pemimpin negara lahir dari

kekuasaan yang berada di tangan rakyat. Beliau lebih cenderung memperkatakan tentang peranan rakyat sebagai individu dan sebuah keluarga.

Pada pandangan Ibnu Sina, proses pembangunan haruslah bermula dari dalam diri setiap individu. Ini disebabkan manusia paling hampir dengan dirinya sendiri dan memandang dirinya dengan pandangan mulia (Ibnu Sina, 2007). Ibnu Sina beranggapan, seseorang yang mampu mengurus dirinya dengan baik pastinya dapat menguruskan hal-hal lain dengan baik juga (Wan Suhaimi Wan Abdullah, 2008).

Sebagai ahli falsafah, Ibnu Sina sering memperkatakan tentang *al-Sa'adah* (kebahagiaan) yang perlu dicapai oleh manusia dalam kehidupan (Idris Zakaria, 2010). Menurut Ibnu Sina, manusia akan memperoleh kebahagiaan dan kesejahteraan dalam kehidupan dunia apabila mereka mematuhi peraturan-peraturan Allah SWT yang telah disampaikan kepada mereka oleh Rasul pilihanNya (al-Naqib, 2000). Kebahagiaan hakiki pula hanya diperolehi di akhirat melalui penyucian jiwa (*tanzih al-nafs*) (Ibnu Sina, 1960).

Dalam usaha melakukan perubahan yang lebih baik, amat penting bagi manusia untuk mengenali diri dan mengetahui peranannya dalam kehidupan. Lantaran itulah, Ibnu Sina banyak memperkatakan tentang peranan dan potensi manusia dalam karya-karya beliau. Ibnu Sina (2007) telah menggambarkan kemuliaan manusia sebagai makhluk ciptaan Allah yang terbaik. Beliau menyatakan, "Allah telah mengkhususkan pada *Bani Adam* ciri-ciri tertentu yang merupakan sebahagian daripada nikmatnya ke atas mereka, maka jadilah mereka lebih mulia dari makhluk-makhlukNya yang lain, Allah telah mencipta mereka dengan sebaik-baik ciptaan dan tabiat mereka adalah yang paling sempurna, dan perjalanan serta kehidupan mereka adalah yang paling baik" (Ibnu Sina, 2007). Gambaran tersebut adalah selari dengan firman Allah SWT:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَن تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

Terjemahan: Sungguh, Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk sebaik-baiknya. (Surah al-Tin 95: ayat 4)

Berhubung dengan ciri-ciri istimewa manusia, Ibnu Sina (1375AH) menjelaskan bahawa kejadian manusia terdiri daripada dua unsur iaitu *sirr* (yang bermaksud tertutup) dan *'alan* (yang bermaksud terbuka). *Sirr* merujuk kepada kekuatan rohani yang menghidupkan akal, manakala *'alan* adalah bahagian-bahagian tubuh badan samada dari segi luarannya atau dalamannya (yang dapat dilihat melalui anatomi). Tindak-tanduk manusia dalam kehidupan pula dipengaruhi oleh tiga elemen asas yang saling berkaitan iaitu *jism* (jasad), *nafs* (jiwa) dan *'aql* (akal) yang membentuk potensi-potensi dalam dirinya.

Elemen al-Jism (Jasad)

Al-Jism (jasad) menurut Ibnu Sina adalah unsur material yang boleh mengalami perubahan dan mempunyai ukuran tertentu (Hassan Langgulung, 1989). Jasad tidak mempunyai sebarang keinginan tetapi ia dapat berkembang dan bergerak dengan keinginan yang datang dari luar. Keinginan luaran tersebut datangnya dari *al-nafs* (jiwa) (Hana al-Fakhuri & Khalil al-Jurr, 1958). Pada pandangan Ibnu Sina, jasad dan jiwa merupakan dua unsur berbeza tetapi saling memerlukan (Syah Reza, 2014). Apabila berlaku kematian, jiwa akan meninggalkan jasad kerana ia bersifat abadi dan jasad akan mengalami kehancuran (al-Naqib, 2000).

Kebiasaan jasad selepas mati tidak bermakna manusia boleh mengabaikan keperluan jasmani pada masa hayatnya. Ini kerana tubuh badan yang sihat diperlukan oleh setiap individu untuk menjalani kehidupan sebagai hamba Allah dan memenuhi tanggungjawab sebagai *khalifah* di muka bumi. Oleh yang demikian, Ibnu Sina mendorong setiap individu supaya berusaha untuk memenuhi keperluan fizikal dalam usaha mencapai kesejahteraan hidup (Ibnu Sina, 1960). Beliau juga menunjukkan keprihatinannya terhadap pertumbuhan fizikal manusia dengan menggalakkan seorang ibu menyusui bayinya secara sempurna selepas dilahirkan. Malah Ibnu Sina menyarankan supaya pendidikan seorang anak bermula setelah melepasi tempoh penyusuan tersebut (Ibnu Sina, 2007).

Ibnu Sina menekankan kepentingan penjagaan kebersihan dan melihatnya sebagai salah satu ciri yang perlu ada pada seorang guru (Ibnu Sina, 2007). Dapat difahami bahawa sikap guru yang sedemikian akan mempengaruhi para pelajar untuk mengamalkannya dalam kehidupan. Seperti yang diketahui, penjagaan kebersihan sememangnya berkait rapat dengan kesihatan fizikal manusia. Selanjutnya, Ibnu Sina turut memberi perhatian terhadap perbezaan yang wujud pada setiap individu dari segi keupayaan intelek dan fizikal. Menurut beliau, perbezaan individu akan mempengaruhi kecenderungan dan minat individu tersebut. Dalam hal ini, Ibnu Sina menggesa ibu bapa dan guru supaya memberi perhatian terhadap kecenderungan anak-anak dan membimbing mereka ke arah pemilihan kerjaya yang sesuai (Borhani Nejad M., Rashidi M. & Oloumi M.M., 2013).

Elemen *al-Nafs* (Jiwa)

Ibnu Sina adalah salah seorang daripada tokoh ilmuan yang sangat cenderung membincangkan tentang *al-nafs* atau jiwa manusia (Nasr, 1985; Hasan Langgulung; 1981). Pada pandangan Ibnu Sina, *al-nafs* ialah *jauhar* rohani yang ditempatkan di dalam jasad dan kedua-duanya mempunyai hubungan yang sangat erat (Afrizal, 2014). Menurut Syah Reza (2014), Ibnu Sina telah membahagikan *al-nafs* dalam diri manusia kepada tiga bentuk:

- a) *al-Nafs al-Nabatiyyah* (jiwa tumbuh-tumbuhan); dengan memiliki jiwa ini, manusia mempunyai daya makan, daya tumbuh dan daya berkembang biak sama seperti tumbuh-tumbuhan.

- b) *al-Nafs al-Hayawaniyyah* (jiwa binatang); jiwa ini hanya dimiliki oleh manusia dan haiwan. Ia mengatasi jiwa tumbuh-tumbuhan kerana memiliki daya gerak (*al-quwwah al-muharrrikah*) dan daya persepsi (*al-quwwah al-mudrikah*). Daya gerak akan mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu yang disukai atau menjauhi perkara yang dibenci. Daya persepsi pula membantu individu tersebut untuk memperolehi pengetahuan sama ada melalui pancaindera luaran seperti penglihatan, pendengaran, bau, rasa dan sentuhan, atau pun melalui persepsi dalaman yang terdiri daripada daya kolektif, daya konsepsi, daya fantasi, daya imaginasi dan memori.
- c) *al-Nafs al-Natiqah* (jiwa manusia); jiwa ini hanya dikhususkan untuk manusia dan mempunyai dua daya yang dikenali sebagai daya akal praktis (*al-quwwah al-'amaliyyah*) dan daya akal teoritis (*al-quwwah al-nazhariyyah*). Akal praktis adalah daya penggerak setiap anggota badan untuk melaksanakan sesuatu. Dengan daya akal ini, manusia mampu memilih untuk melakukan perbuatan *mahmudah* atau *mazmumah* (Hana al-Fakhuri & Khalil al-Jur, 1958). Daya akal teoritis pula terdiri daripada akal potensial, akal bakat, akal aktual dan akal perolehan (Syah Reza, 2014). Pada pandangan Ibnu Sina, jiwa manusia perlu dilatih secara berterusan untuk menyucikannya dari kekotoran sehingga tercapai peringkat jiwa yang tenang (*al-nafs al-muthmainnah*) (Yoyo Hambali, 2005).

Elemen *al-'Aql* (Akal)

Ibnu Sina (2007) menegaskan bahawa akal mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam kehidupan manusia. Kekuatan akal yang dimiliki oleh manusia telah mendorong mereka untuk melakukan pelbagai aktiviti dan bertindak sesuai dengan kemampuan yang dimiliki (al-Naqib, 2007). Seperti yang telah dibincangkan dalam elemen *nafs*, Ibnu Sina berpandangan bahawa daya akal yang menguasai tindakan manusia adalah pecahan daripada jiwa manusia (*al-Nafs al-Natiqah*). Daya akal tersebut dibahagikan pula kepada dua iaitu; akal praktis dan akal teoritis. Akal praktis mempengaruhi tingkahlaku fizikal manakala akal teoritis berkait dengan pemikiran kognitif (al-Naqib, 2000).

Menurut Fatimah Halim (2013), Ibnu Sina telah mengklasifikasikan akal teoritis seperti berikut:

- a) *al-'Aql al-Hayulan* (akal potensial atau *material intellect*) yang memiliki potensi untuk berfikir tetapi belum dilatih.
- b) *Al-'Aql bi al-Malakah* (akal malakah atau *possible intellect*) yang sudah mulai dilatih untuk berpikir tentang perkara abstrak.

- c) *al- 'Aql bi al-Fi'l* (akal aktual atau *intellect in action*) yang telah dapat berpikir tentang hal-hal abstrak.
- d) *al- 'Aql al-Mustafad* (akal perolehan atau *acquired intellect*) yang mampu berpikir tentang hal-hal abstrak secara spontan, tanpa daya upaya tetapi muncul ketika diinginkan. Akal ini berada pada tahap yang paling tinggi.

Syed Naquib al-Attas (1995) telah menghuraikan pandangan Ibnu Sina mengenai pembahagian akal dan menjelaskan bahawa secara umumnya, manusia akan melalui tiga tahap awal perkembangan intelek tersebut. Walau bagaimanapun, tahap keempat tidak mampu dicapai oleh semua manusia. Hanya jiwa yang cemerlang sahaja seperti para nabi, para manusia suci dan soleh serta ulama yang mengamalkan ilmunya mempunyai kemampuan untuk berhubung dengan akal aktif atau *active intellect*. Akal aktif ialah Ruh yang Suci atau *al-Ruh al-Qudus* (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1990).

Dalam hal ini, dapat difahami bahawa kemampuan akal bergantung kepada tahap kecemerlangan diri seseorang. Oleh sebab itu, Ibnu Sina menegaskan perlunya akal dikembangkan melalui pendidikan (Hassan Langgulung, 1995). Ibnu Sina mendorong setiap individu supaya berusaha meningkatkan pencapaian akalnya dengan melakukan penyucian jiwa dan mencapai kemuliaan akhlak supaya terbuka baginya ilmu rohani. Menurut Ibnu Sina, ilmu itu adalah cahaya dan cahaya Ilahi tidak akan dilimpahkan kepada orang yang mengotori dirinya dengan maksiat (Yoyo Hambali, 2005).

Penjelasan Ibnu Sina mengenai unsur-unsur yang membentuk kejadian manusia menyokong pendapat kebanyakan ahli-ahli falsafah dan juga ulama Islam lain yang menyatakan manusia terdiri daripada unsur luaran (jasmani) dan dalaman (rohani). Penelitian terhadap pandangan Ibnu Sina mendapati beliau memberi perhatian terhadap pembangunan semua elemen yang membentuk diri manusia. Pemikirannya menggambarkan keperluan untuk mewujudkan hubungan yang harmoni antara jasmani dan rohani bagi memelihara kesejahteraan diri. Dalam erti kata lain, elemen *al-Jism*, *al-Nafs* dan *al- 'Aql* yang mempengaruhi insan hendaklah dibangunkan secara bersepadu supaya potensi setiap individu dapat berkembang secara seimbang.

Manusia dan Keperluan Hidup

Pemikiran Ibnu Sina turut mengemukakan beberapa keperluan manusia yang perlu dipenuhi dalam usaha mencapai kesejahteraan hidup seperti berikut:

- a) Keperluan Terhadap Wahyu Ilahi

Manusia memerlukan panduan dan bimbingan untuk mengenali kebenaran yang hakiki. Walaupun manusia dikurniakan akal yang menjadikan kedudukan mereka lebih mulia dari makhluk Allah yang lain, tetapi pemikiran berlandaskan

akal semata-mata tidak dapat menjamin keadilan dan kesejahteraan dalam menjalani kehidupan. Menurut Ibnu Sina (1960), jika manusia dibiarkan berpegang dengan pandangan masing-masing dalam menentukan peraturan dan keadilan, nescaya akan berlaku kerosakan yang besar dalam masyarakat. Justeru, masyarakat manusia perlu dibimbing oleh seorang nabi untuk mengenali kebenaran dan keadilan. Seorang nabi yang mempunyai jiwa suci serta dapat berhubung langsung dengan *ruh al-qudus* memainkan peranan penting dalam memelihara kemaslahatan insan.

Melalui seorang nabi, masyarakat manusia dapat mengenali Pencipta (al-Sani') dan Hari Akhirat (al-Ma'ad). Manusia juga diajar tentang perintah dan larangan Allah SWT serta balasan baik atau buruk yang akan diterima pada Hari Pembalasan. Dalam hal ini, Ibnu Sina menegaskan keperluan terhadap wahyu Ilahi yang disampaikan oleh para nabi untuk memahami perkara yang tidak terjangkau oleh akal manusia (Zainal Abidin Ahmad, 1974).

b) Keperluan Terhadap Sumber Kehidupan (Keperluan Fisiologi)

Menurut Ibnu Sina (2007), setiap manusia bergantung hidup kepada sumber-sumber asas untuk meneruskan kehidupan. Keperluan tersebut perlu dipenuhi bagi mencapai kehidupan yang sejahtera. Ibnu Sina turut menjelaskan, kehidupan manusia sebagai makhluk yang berakal sangat berbeza dari binatang. Jika binatang hanya mencari makanan ketika lapar dan meninggalkan sisanya apabila kenyang, manusia pula mampu merancang untuk menyediakan bekalan dan keperluannya di masa depan. Keadaan ini juga mendorong manusia untuk mencari tempat tinggal yang sesuai dengan keperluannya. Perbincangan beliau tersebut secara jelas menggambarkan tentang keperluan fisiologi manusia. Keperluan fisiologi adalah keperluan asas khususnya dari sudut fizikal seperti makanan, minuman, tempat tinggal dan pakaian. Tanpa keperluan asas tersebut, manusia tidak dapat hidup dengan sempurna (Ahmad Shukri Mohd Nain & Rosman Md. Yusoff, 2003).

Apa yang diperkatakan oleh Ibnu Sina tersebut adalah selari dengan ajaran Islam. Menurut Maheran Zakaria & Nur Ain Abdul Malek (2014), memenuhi keperluan-keperluan asas dalam kehidupan adalah termasuk di dalam perkara *al-Dharuriyyat* sebagaimana yang digariskan dalam *maqasid syariah* dengan tujuan untuk menjaga kemaslahatan diri (*hifz al-nafs*). Oleh itu, setiap individu perlu berusaha untuk memenuhi keperluan dirinya. Tambahan pula, antara tujuan kehidupan ialah untuk memperolehi kebahagiaan di dunia dan akhirat (Tg. Sarina Aini Tg. Kassim & Fadillah Mansor, 2007).

c) Keperluan Terhadap Keluarga

Perbincangan Ibnu Sina turut menyentuh tentang fitrah manusia yang tidak mampu hidup bersendirian dan ingin mempunyai teman hidup. Menurut Ibnu Sina (2007), apabila seseorang telah berjaya menyediakan bekalan

keperluannya dan mendapatkan tempat tinggal, individu tersebut akan mula memikirkan tentang seseorang yang boleh dipercayai untuk menjaga semua perolehannya dengan baik. Ini disebabkan setiap individu perlu terus berusaha dan meninggalkan kediamannya untuk memenuhi tuntutan kehidupan. Dalam hal ini, Ibnu Sina menegaskan hanya isteri yang setia mampu menggalas peranan tersebut. Seorang isteri bukan sahaja dapat meraih kepercayaan suaminya untuk menyerahkan hartanya, malah kewujudan seorang isteri juga dapat mencetuskan rasa tenang dan tenteram dalam diri seorang suami. Penjelasan Ibnu Sina tersebut menggambarkan bahawa manusia perlu berkahwin untuk menjalani kehidupan yang lebih bahagia dan sempurna.

Dalam kenyataannya yang lain, Ibnu Sina (1960) menegaskan bahawa kesucian perkahwinan perlu dipelihara supaya nasab keturunan manusia tidak dicemari oleh keburukan zina. Perkahwinan dipandang tinggi oleh Ibnu Sina kerana peranannya yang penting dalam menjamin kelangsungan umat manusia di muka bumi. Melalui perkahwinan, sebuah keluarga akan berkembang dengan kelahiran anak-anak dan kemudiannya mewujudkan kelompok yang lebih besar dalam masyarakat. Atas dasar inilah, Ibnu Sina (1960) menyatakan bahawa perkahwinan adalah rukun utama bagi pembinaan negara (*afdhalu arkan al-madinah*).

d) Keperluan Terhadap Masyarakat

Pada pendapat Ibnu Sina (1960), setiap individu perlu berhubung dengan masyarakat di sekelilingnya. Ini kerana manusia tidak dapat menyediakan semua keperluan hidupnya secara bersendirian. Tidak dapat dinafikan, manusia mempunyai keupayaan yang terbatas dan kemahiran yang berbeza. Oleh itu, mereka perlu bekerjasama dan saling melengkapi antara satu sama lain. Kemakmuran dan kesejahteraan hidup akan dapat diwujudkan sekiranya setiap individu memainkan peranan masing-masing untuk membangun masyarakat. Menurut Ibnu Sina (1960), manusia sepatutnya tidak menjauhkan diri dari masyarakat. Beliau juga menegaskan, mana-mana individu yang tinggal dalam kelompoknya sahaja dan tidak turut serta membina masyarakat dan negara telah menunjukkan sifat yang bertentangan dengan manusia sebenar, malah masih jauh untuk mencapai kesempurnaan sebagai seorang manusia.

Berdasarkan pemikiran Ibnu Sina, keperluan individu terhadap masyarakat hendaklah ditunaikan dengan cara melaksanakan *mu'amalah* yang baik antara mereka. *Mu'amalah* itu dapat diwujudkan jika setiap individu tunduk dan patuh terhadap peraturan dan keadilan yang menjamin kemaslahatan umat manusia (Ibnu Sina, 1960). Untuk merealisasikan keadaan tersebut, Ibnu Sina menggesa setiap Muslim supaya berpandukan kepada undang-undang Allah SWT yang telah disyariatkan ke atas mereka dan mematuhi ajaran Nabi SAW kerana cara itu sahaja dapat membawa manusia ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat (al-Naqib, 2000).

PENUTUP

Ibnu Sina telah menonjolkan pembangunan individu sebagai teras pembangunan masyarakat dan negara. Beliau menggesa setiap individu supaya berusaha untuk mencapai *al-Saadah*, iaitu kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Bagi mencapai *al-Sa'adah*, manusia perlu dibangunkan sesuai dengan hakikat kejadian dan keperluan hidup mereka. Berdasarkan pemikiran Ibnu Sina, kejadian manusia yang terdiri daripada unsur rohani dan jasmani memerlukan pendekatan pembangunan secara bersepadu melibatkan elemen *jism*, *ruh* dan *'aql* supaya potensi individu dapat dikembangkan sepenuhnya. Dalam masa yang sama, keperluan-keperluan hakiki manusia yang terdiri daripada keperluan terhadap wahyu Ilahi, keperluan terhadap sumber fisiologi, keperluan terhadap keluarga dan masyarakat pula hendaklah dipenuhi dengan rasa tanggung jawab dan disalurkan ke arah mencapai keredhaan Allah dalam usaha mencapai kesejahteraan hidup yang diidamkan. Dapatlah disimpulkan di sini bahawa pendekatan pembangunan individu menurut Ibnu Sina adalah selari dengan kesyumulan ajaran Islam yang tidak mengabaikan keperluan rohani dan jasmani manusia.

RUJUKAN

Buku

- Abu 'Ali ibn Sina. t.t. *Aqşam al-Ulum al-Aqliyyah: Tisu' Rasail fi al-Hikmah wa al-Tabi'iyat*. Cet. ke-2. Kaherah: Dar al-Arab li al-Bustan.
- Anawati, George C. 1950. *Muallafat Ibn Sina*. Kaherah: Dar al-Maarif.
- Hanna al-Fakhuri & Khalil al-Jurr. 1958. *Tarikh al-Falsafah al-Arabiyyah: Juz 1*. Beirut: Dar al-Maarif.
- Hasan Langgulung. 1981. *Beberapa Tinjauan dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hassan Langgulung. 1995. *Manusia dan Pendidikan*. Cet. III. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Ibnu Sina. 1375 AH. *Fi al-Quwa al-Insaniyyah wa Idrakatiha dalam Tis'u Rasail fi al-Hikmah wa al-Thobi'iyat*. Tehran: Muassasah Maktab Ahl al-Bayt.
- Ibnu Sina. 1960. *al-Syifa' al-Ilahiyyat*. ed. G.C. Anawati & Sa'id Zaid. Kaherah: Wizarah al-Thaqafah.

Idris Zakaria. 1991. *Teori Politik al-Farabi dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan. 2005. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmood Zuhdi Ab. Majid. 2007. *Keperluan Pembangunan Dalam Islam dalam Pembangunan dari Perspektif Islam*. ed. Muhammad Hisyam Muhammad. Petaling Jaya: MPH Group Publishing.

Muhammad Qutb. 1994. *Asas Pembangunan Islam dalam Islam dan Pembangunan*. Terj. Syed Omar Syed Agil. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Putaka.

Muhammad Yusuf Musa. 1952. *al-Nahiyah al-Ijtima'iyah wa al-Siyasiyyah min Falsafat Ibn Sina*. Kaherah: Manshurat al-Ma'had al-'Ilmi al-Faransa li al-Athar al-Syarqiyyah.

Syed Muhammad al-Naquib Al-Attas. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1990. *The Nature of Man and the Psychology of Human Soul* Kuala Lumpur: ISTAC.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1995. *Prologomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Wan Mohd Nor Wan Daud. 2001. *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

Zainal Abidin Ahmad. 1979. *Negara Adil Makmur Menurut Ibnu Sina*. Jakarta: Bulan Bintang.

Jurnal

Al-Naqib, 'Abd al-Rahman. 2000. *Avicenna*. Prospects: The Quarterly Review of Comparative Education. UNESCO: International Bureau of Education, Paris, vol. XXIII, no.1/2).

- Borhani Nejad M., Rashidi M. & Oloumi M.M. 2013. *Avicenna's Educational Views With Emphasis on The Education of Hygiene and Wellness*. International Journal of Health Policy and Management: 1.
- Hassan Langgulung. 1989. *Ibnu Sina as An Educationist*. Muslim Education Quarterly.
- Idris Zakaria. 2010. *Ketuhanan, Kenabian dan Kebahagiaan Menurut Ibn Sina*. Islamiyyat. 32.
- Idris Zakaria. 2014. *Ibn Sina On The Benefits of Worship*. Jurnal Afkar 15.
- Fatimah Halim. 2013. *Kajian Kritis Terhadap Pemikiran Tentang Jiwa (Al-Nafs) Dalam Filsafat Islam*. Jurnal al-Daulah. Vol. 1. No. 2. (Jun).
- Nurizal Ismail. 2016. *Scrutinizing the Epistemology of Islamic Economics: A Historical Analysis*. Jurnal Tsaqafah. Vol. 12, No. 1.
- Raftari, H. 2015. *Happiness in View of Aristotle and Avicenna*. International Journal of Sosial Science and Humanity. Vol. 5. No. 8.
- Seyyed Hosein Nasr. 1985. *The Islamic Philosophers' Views on Education*. Muslim Education Quarterly 2.
- Syah Reza. 2014. *Konsep Nafs Menurut Ibnu Sina*. Jurnal Kalimah. Vol. 12. No. 2. (September).
- Tg. Sarina Aini Tg. Kassim & Fadillah Mansor. 2007. *Keperluan Motivasi Dalam Pengurusan Kerja Berkualiti Dari Perspektif Pemikiran Islam*. Jurnal Usuluddin. Bil. 25.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. 2000. *Falsafah Al-Kindi Tentang Akal: Analisis Awal dan Terjemahan Risalah Fi Al- 'Aql*. Jurnal AFKAR. 1.
- Yoyo Hambali & Siti Asiah. 2011. *Eksistensi Manusia dalam Filsafat Pendidikan: Studi Komparatif Filsafat Barat dan Filsafat Islam*. Jurnal Turats. Vol. 7. No. 1 (Januari).
- Yoyo Hambali. 2005. *Pemikiran Pendidikan Ibn Sina*. Jurnal Turats. Vol. 3, No. 1 (November).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.